

Technology Park kukuhkan kemahiran usahawan wanita di Sabah

New Sabah Times

2 Mac 2018

Technology Park kukuhkan kemahiran usahawan wanita di Sabah

KOTA KINABALU: Para usahawan wanita di Sabah yang ingin menembusi pasaran global mampu merealisasikan aspirasi mereka menerusi infrastruktur, kemudahan dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd (TPM).

Seramai 35 usahawan dari pelbagai sektor dan latarbelakang menghadiri sesi bimbingan perniagaan di Wisma Wanita, Kota Kinabalu anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSITI) dengan kerjasama Majlis Penasihat Wanita Sabah dan TPM, sebuah taman inkubasi generasi keempat yang menawarkan bimbingan, khidmat nasihat kursus dan program pembangunan keusahawanan yang komprehensif dan bersepadu.

Menurut President dan Ketua Pegawai Eksekutif TPM, Dato' Ir Mohd Azman Hj Shahidin, "Kami sentiasa menyokong usaha memperkasa keusahawanan di kalangan usahawan wanita. Pada kali ini kami turut berkongsi maklumat mengenai pelbagai perkhidmatan, pembiayaan dan program

yang tersedia untuk usahawan wanita IKS di Sabah melalui perkongsian idea, pengalaman, aspirasi serta paling penting, mempromosi produk ke peringkat yang lebih luas.

Menurut statistik SME Corporation Malaysia (SME Corp), sebanyak 20.6 peratus wanita di negara ini terlibat dalam bidang keusahawanan dan dijangkakan meningkat sehingga 23 peratus menjelang tahun 2020.

Justeru itu, TPM berada pada landasan yang betul apabila menasaskan peningkatan sehingga 10 peratus jumlah usahawan wanita dalam keusahawanan kecil dan sederhana ke peringkat global menjelang tahun 2020.

"Tidak dinafikan ramai usahawan wanita di negara ini telah menyumbang dalam pembangunan ekonomi negara. Mereka harus dihargai kerana membantu negara meningkatkan modal insan dalam sektor pekerjaan, menurut Dato' Ir Mohd Azman.

Selain taklimat keusahawanan, TPM turut membawa dua usahawan TPM yang berjaya untuk bersama berkongsi pengetahuan ilmu mengenai perniagaan, jualan dan pe-

masaran, kewangan dan pelbagai disiplin cluster keusahawanan lain.

Dr. Mariani Abdul Hamid, Pensyarah Kanan di Institut Pembangunan Bioproduct UTM yang juga Pengarah Urusan Bio-Pro Resources Sdn Bhd, berkongsi pengalaman beliau membangunkan produk kosmetik premium inovasi syarikatnya dari idea dan penyelidikan di UTM, hingga lannya berjaya dikomersilkan.

Manakala Dr. Azura Hanim Hashim, pakar neuro-linguistic programming memiliki pengalaman industri lebih dari 15 tahun di dalam bidang telekomunikasi pendidikan dan industri kewangan berkongsi tentang pembangunan rohani yang juga sarna penting dalam usaha membangunkan perniagaan.

TPM turut menyediakan skim pembiayaan dikenali sebagai TPM Technopreneur Facilitation Fund (TFF) atau Dana Pembangunan Teknopreneur untuk memberi bantuan kewangan kepada usahawan dalam pembangunan produk kepada pengeluaran, dengan bantuan anak-anak syarikatnya, TPM Engineering Sdn Bhd dan TPM Biotech Sdn Bhd. -Bernama